



## **KENYATAAN AKHBAR**

**Untuk Siaran Segera  
30 Jun 2020**

### **ASNB Umum Pengagihan Pendapatan bagi ASB 3 Didik & ASN Equity 2**

- Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan untuk dana harga tetap, Amanah Saham Bumiputera 3 - Didik (ASB 3 Didik) dan dana harga berubah, Amanah Saham Nasional Equity 2 (ASN Equity 2) bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2020.
- ASB 3 Didik mengumumkan jumlah pengagihan pendapatan sebanyak RM275.4 juta yang memanfaatkan seramai 298,560 pemegang unit yang memiliki lebih daripada 6.5 bilion unit. Pengagihan pendapatan sebanyak 4.25 sen seunit ini mengatasi penanda aras pulangan 2.10% yang dicatatkan oleh Deposit Tetap 12-Bulan Maybank iaitu sebanyak 215 mata asas (bps).
- Bagi ASN Equity 2, dana harga berubah ini mengumumkan jumlah bayaran pengagihan pendapatan sebanyak RM29.4 juta yang memberikan hasil dividen sebanyak 4.04% berdasarkan Nilai Aset Bersih dana setakat 25 Jun 2020. Pengagihan pendapatan yang diisytiharkan adalah sebanyak 2.00 sen seunit kepada 33,277 pemegang unit.
- Urus niaga bagi kedua-dua dana ini telah ditangguhkan buat sementara waktu dari 25 hingga 30 Jun 2020, bagi memudahkan pengiraan pengagihan pendapatan. Pemegang unit boleh menyemak dan mengemas kini akaun mereka melalui portal ASNB [www.myasnb.com.my](http://www.myasnb.com.my) atau aplikasi mudah alih myASNB, atau di mana-mana cawangan atau ejen ASNB di seluruh negara apabila urus niaga beroperasi semula pada 1 Julai 2020 bagi kedua-dua dana ASB 3 Didik dan ASN Equity 2.

**KUALA LUMPUR, 30 JUN 2020** – Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan bagi dana harga tetap, Amanah Saham Bumiputera 3 – Didik (ASB 3 Didik) dan dana harga berubah, Amanah Saham Nasional Equity 2 (ASN Equity 2) bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2020.

ASB 3 Didik telah mengisytiharkan jumlah pengagihan pendapatan sebanyak RM275.4 juta, memanfaatkan 298,560 pemegang unit yang memiliki lebih daripada 6.5 bilion unit. Pengagihan pendapatan sebanyak 4.25 sen seunit ini telah mengatasi penanda aras pulangan 2.10% yang dicatatkan oleh Deposit Tetap 12-Bulan Maybank iaitu sebanyak 215 mata asas (bps). Setakat 31 Mei 2020, ASB 3 Didik telah mencatatkan pendapatan bersih yang direalisasi bernilai RM251.4 juta.

ASB 3 Didik mempunyai ciri-ciri yang hampir sama dengan penanda arasnya, iaitu Deposit Tetap 12-Bulan Maybank, yang mana pelabur mengambil risiko minimum terhadap nilai modal memandangkan ciri harga tetapnya. Walau bagaimanapun, sebagai dana aset campuran, ASB 3 Didik mempunyai fleksibiliti untuk melabur dalam ekuiti dan kelas aset yang lain untuk meningkatkan potensi pulangannya.

Sementara itu, ASN Equity 2 telah mengumumkan jumlah pembayaran agihan pendapatan sebanyak RM29.4 juta. Ini memberikan hasil dividen sebanyak 4.04% berdasarkan Nilai Aset Bersih dana setakat 25 Jun 2020 dan pengagihan pendapatan sebanyak 2.00 sen seunit kepada 33,277 pemegang unit, yang memiliki lebih daripada 1.4 bilion unit. Setakat 31 Mei 2020, ASN Equity 2 mencatatkan pendapatan bersih yang direalisasi sebanyak RM34.6 juta.

Pengagihan pendapatan yang diumumkan oleh dana-dana ini diperolehi daripada keuntungan yang direalisasi, dividen dan pendapatan lain. Ini adalah selaras dengan matlamat PNB untuk terus memberikan pulangan jangka panjang kepada pemegang unitnya.

Pengiraan pengagihan pendapatan bagi ASB 3 Didik adalah berdasarkan purata baki bulanan minimum yang dipegang sepanjang tahun kewangan dana tersebut, manakala bagi ASN Equity 2, pengiraan pengagihan pendapatan adalah berdasarkan kepada pegangan pada unit 30 Jun 2020. Pengagihan yang diisytiharkan oleh kedua-dua dana ini akan dilaburkan semula sebagai unit tambahan ke dalam akaun pemegang unit dan akan dikreditkan secara automatik pada 1 Julai 2020 bagi kedua-dua dana tersebut.

Urus niaga untuk ASB 3 Didik dan ASN Equity 2 telah ditangguhkan buat sementara waktu dari 25 hingga 30 Jun 2020 bagi memudahkan pengiraan pengagihan pendapatan. Pemegang unit boleh menyemak dan mengemas kini akaun mereka melalui portal ASNB [www.myasnb.com.my](http://www.myasnb.com.my) atau melalui aplikasi mudah alih myASNB, atau di mana-mana cawangan atau ejen ASNB di seluruh negara apabila urus niaga beroperasi semula pada 1 Julai 2020 bagi kedua-dua dana ASB 3 Didik dan ASN Equity 2.

- *Tamat* -

#### **Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan-pelaburan strategik di syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

#### **Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)**

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 33 pejabat cawangan dan lebih 2,700 cawangan ejen seluruh negara. ASNB kini mengurus 14 dana unit amanah yang menghampiri 258 bilion unit dalam edaran (UIC) dan 14.4 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

#### **Amanah Saham Bumiputera 3-Didik (ASB 3 Didik)**

Amanah Saham Bumiputera 3-Didik (ASB 3 Didik) adalah dana harga tetap yang dilancarkan pada 20 April 2001 dengan objektif untuk memberi peluang pelaburan yang menjana pertumbuhan dan pulangan jangka panjang yang memuaskan. Setakat 31 Mei 2020, ASB 3 Didik telah dilanggan oleh lebih daripada 298,500 pemegang unit yang memiliki lebih daripada 6.5 bilion unit.

#### **Amanah Saham Nasional Equity 2 (ASN Equity 2)**

Amanah Saham Nasional Equity 2 (ASN Equity 2) adalah dana harga berubah yang dilancarkan pada 9 Jun 1999 dengan objektif untuk memberi pemegang unit pulangan dividen yang berpatutan serta peningkatan modal pada tahap risiko yang sederhana melalui pelaburan yang dijalankan berdasarkan Akta, Garis Panduan dan undang-undang sekuriti bagi portfolio sekuriti pelbagai, terutamanya bagi ekuiti sekuriti Malaysia. Setakat 31 Mei 2020, ASN Equity 2 telah dilanggan oleh lebih daripada 33,200 pemegang unit yang memiliki lebih daripada 1.4 bilion unit.

#### **Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad**

# PENGAGIHAN PENDAPATAN

TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2020

## DANA HARGA TETAP



**ASB 3 Didik**

**4.25** sen seunit

RM **275.4** juta  
Jumlah Pengagihan

**MEMANFAATKAN**

**298,560**  
Pemegang Unit



## Mengatasi Pulangan Kadar Deposit Tetap & FBM KLCI

**4.25%**



**ASB 3 Didik**

**2.10%**

Deposit Tetap<sup>1</sup>  
12-Bulan

**2.15%**

**14.39%**

Pulangan Harga  
FBM KLCI<sup>2</sup>

**-10.14%**

Nota:

1 Kadar Deposit Tetap 12-Bulan Maybank setakat 24 Jun 2020

2 Pulangan Harga FBM KLCI setakat 24 Jun 2020

Prospektus Induk Gantian ASNB bertarikh 1 Februari 2020 ("Prospektus"), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serlahan Produk yang terdapat di laman sesawang, cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.